



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA
(IJHAM)**
www.ijham.com



**PEMIKIRAN DAN KONSEP SASTERA ISLAM MENGIKUT
SYED QUTB**

*THOUGHTS AND CONCEPTS OF ISLAMIC LITERATURE ACCORDING TO
SYED QUTB*

Adli Yaacob¹, Siti Hajar Ramli²

¹ Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa
Email: adlihy@iium.edu.my

² Pelajar peringkat MA di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa

Article Info:

Article history:

Received date: 01.12.2021

Revised date: 12.12.2021

Accepted date: 24.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A., & Ramli, S. H. (2021). Pemikiran Dan Konsep Sastera Islam Mengikut Syed Qutb. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 4 (15), 119-130.

DOI: 10.35631/IJHAM.415010.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Sayyid Qutb adalah penulis, sasterawan dan pengkritik Mesir yang kesusasteraannya adalah berdasarkan konsep pandangan terhadap kehidupan, manusia dan alam semesta. Melalui pandangannya yang komprehensif terhadap Al-Quran, membantu beliau menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesusasteraan Islam dengan perspektif pengkritik, pemikir, penulis dan pendakwah Islam. Pandangannya tentang kesusasteraan secara umum, dan kesusasteraan Islam khususnya, adalah satu hal yang baik, yang berdiri berdasarkan dua bahagian, pengalaman puitis (التجربة الشعورية), dan kemudian dinyatakan dengan cara yang indah (التجربة التعبيرية). apa yang dimaksudkan dengan at-Tajribah atau pengalaman adalah pengaruh yang didapati pada diri saterawan, daripada peristiwa atau keadaan yang telah menggerakkan perasaan sasterawan itu seterusnya berusaha untuk mengekspresikannya dengan eksperesi atau ungkapan yang indah yang menggerakan dan memberi kesan kepada orang lain. Sekiranya Islam mempunyai konsep tertentu tentang kehidupan yang mempunyai nilai-nilainya sendiri, adalah wajar ungkapan nilai-nilai ini adalah daripada ciri-ciri yang berbeza dari konsep yang bukan Islam. Konsep Islam dan ciri-cirinya adalah berdasarkan Rabbaniyah ketuhanan dan keesaan-Nya, dan ini menjadikannya berbeza dari persepsi-persepsi yang lain. Sastera ini adalah seni berpandu dan terarah, berpandukan pada sifat persepsi atau pandangan Islam tentang kehidupan dan hubungan manusia, dan berpandukan idea Islam itu sendiri, yang merupakan satu harakah

¹ Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa.

² Pelajar peringkat MA di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

atau gerakan penciptaan yang membina kreativiti, untuk meninggikan nilai-nilai Islam ini.

Kata Kunci:

Sastera Islam, Persepsi Islam, Pengalaman Perasaan, Ekspresi Yang Indah, Ketuhanan, Seni Yang Terarah.

Abstract:

Sayyid Qutb is an Egyptian writer and critic whose literature is based on the concept of views on life, man and the universe. Through his comprehensive view of the Qur'an, helping him address issues related to Islamic literature with the perspectives as an Islamic critic, thinker, writer and preacher. His views on literature in general, and Islamic literature, are a good thing, standing on two sides, poetic experience (التجربة الشعرية), and then expressed in a beautiful way (التجربة التعبيرية). what is meant by at-Tajribah or experience is the influence gained by the writer, from the events or circumstances that have moved the writer's feelings and then seeks to express them with beautiful expressions that move and affect others. If Islam has a certain concept of life that has its own values, it is reasonable that the expression of these values is from different characteristics of the non-Muslim concept. The concept of Islam and its characteristics are based on Rabbaniyah's divinity and His essence, and this makes it different from other perceptions. This literature is a guided and directed art, guided by the nature of Islamic perceptions or views on human life and relationships, and guided by the Islamic idea itself, which is a harakah or creative movement that builds creativity, to elevate these Islamic values.

Keywords:

Islamic Literature – Islamic Perception – Emotional Experience – Beautiful Expressions – Divinity – Directed Art

Pendahuluan

Sayyid Qutb³ adalah seorang penulis dan saterawan Mesir, pendidik, ahli teori Islam, penyair, dan ahli dalam jemaah Ikhwan Muslimin di Mesir. Sepanjang hidup beliau, beliau telah menerbitkan sebanyak 24 buah buku, dan lebih kurang 30 buah buku tidak dapat diterbitkan dengan sebab yang pelbagai, diantaranya sekatan daripada Kerajaan Mesir sendiri. Beliau juga menerbitkan sebanyak 518 artikel berkenaan novel, kritikan sastera dan kertas kerja mengenai pendidikan. Beliau terkenal dengan pendiriannya terhadap sosial masyarakat dan pandangan

³ Sayyid Qutb Husain Ash-Shazuli, dilahirkan pada tahun 1906 M, di satu kampong bernama Musya, di salah satu daerah di Asyut. Keluarganya berasal dari Mesir dan mempunyai darah keturunan India. Beliau dibesarkan oleh bapanya yang merupakan seorang yang terpelajar dan mempunyai pegangan agama yang kuat. Beliau memulakan pengajian awalnya di kampungnya dan menghafal al-Quran di sana sebelum berhijrah ke Kaherah untuk menyambung pengajian menengahnya. Kemudian beliau melanjutkan pengajiannya di Kuliyah Darul Ulum dan memperoleh sijilnya pada tahun 1933. Seterusnya beliau bekerja di Kementerian Pelajaran Mesir sebagai guru bahasa Arab. Setelah itu, beliau berpindah ke Pejabat Menteri dan menjadi pegawai di pejabat pelajaran di sana dalam tempoh yang panjang, kecuali pada dua tahun beliau menjadi wakil ke Amerika Syarikat pada tahun 1949 hingga 1950. Ketika mana berlaku Revolusi Mesir pada Julai 1952, Sayyid Qutb menjadi salah seorang yang menubuhkan Ikhwan Muslimin, dan menjadi salah seorang daripada ketua Ikhwan Muslimin yang tersohor. Sehingga terjadi salah faham diantara Ikhwan Muslimin dan Kerajaan Mesir pada 1945, Sayyid Qutb ditahan dan dikenakan hukuman penjara selama 15 tahun, dan dibebaskan pada tahun 1964. Selepas 10 tahun beliau ditahan semula dan dibicarakan di Mahkamah Askar, dan dijatuhi hukuman mati pada tahun 1966.

politik berasaskan Islam yang jelas dapat dilihat melalui karyanya yang terkenal seperti Al-Adala al-Ijtima'iyya fi'l-Islam, Ma'lim fi al-Tariq dan tafsir 30 juzuk al-Quran bertajuk Fi Zilal al-Quran.

Lingkaran hidup beliau banyak dipengaruhi oleh ahli politik, golongan intelektual, penyair dan sasterawan, yang dalam lingkuran umurnya ataupun yang lebih muda. Pada pertengahan 1940, banyak penulisan beliau digunakan dalam kurikulum sekolah, kolej dan universiti.

Sebagai seorang pengkritik sastera, pemikiran beliau banyak dipengaruhi oleh 'Abd Qahir al-Jurjani (1078) yang pada pandangannya seorang ahli falsafah zaman pertengahan yang banyak menumpukan pada makna dan nilai estetika daripada bentuk dan retorik ayat.

Sayyid Qutb memiliki bakat sastera yang lahir dari pandangannya yang tersendiri dan keazamannya dalam melakukan kajian yang berterusan untuk mengumpul maklumat, sehingga beliau mampu untuk mengungkapkan sastera dan pendiriannya. Beliau berpandangan bahawa adalah 'satu perkara yang aneh, kekuatan dan hidupnya sesuatu ungkapan itu, bukanlah lahir daripada keelokan perkataan dan lenggok ibarat sesuatu ungkapan itu, tetapi kekuatan sastera itu datang daripada pengamatan yang tinggi terhadap makna tersurat dan tersirat di sebalik perkataan, serta kemampuan sasterawan untuk membawa perkataan yang ditulis kepada makna yang hidup dan bergerak yang dapat dirasai di alam nyata'.

Sastera Pada Pandangan Sayyid Qutb

Sastera pada pandangan Sayyid Qutb adalah ungkapan yang dilihamkan daripada nilai-nilai (qiyam) yang hidup yang bergolak di dalam jiwa sasterawan. Nilai-nilai ini berbeza pada setiap individu, suasana dan zaman, namun nilai-nilai ini semuanya lahir daripada pandangan (tasawwur) tertentu terhadap kehidupan dan ikatannya di antara manusia dan alam, dan manusia sesama manusia. Pada pandangan Sayyid Qutb, menjadi satu yang sia-sia sekiranya kita cuba untuk mengasingkan sastera daripada nilai-nilai ini, kerana jika kita berjaya memisahkannya, maka yang tinggal pada sastera hanyalah ungkapan kosong yang tidak membawa sebarang nilai dan faedah.⁴

Adapun karya sastera (amal adabi): Sayyid Qutb mendefinisikannya sebagai 'ungkapan atau ekspresi yang lahir daripada tajribah (pengalaman) perasaan dalam bentuk yang hidup'.⁵

"التعبير عن تجربة شعورية في صورة موحية"

(تجربة شعورية) (التعبير) ungkapan: menggambarkan tabiat karya sastera dan jenis-jenisnya, (صورة موحية) (gambaran pengalaman perasaan: menerangkan sumber dan tajuk karya sastera, dan dan bentuk yang hidup: berfungsi dalam menentukan syarat dan tujuan sesuatu karya seni itu).⁶

Tajribah Syu'uriyah inilah unsur yang membawa kepada ungkapan, tetapi ia dengan sendirinya tidak dianggap sebagai karya sastera selagimana perasaan itu masih bergelajak di dalam jiwa sasterawan dan tidak diungkapkan dalam bentuk yang lafaz yang hidup.

⁴Sayyid Qutb, 2001, Fi al-Tarikh Fikrah wa Minhaj, Darul al-Syuruk: Mesir, p11.

⁵Sayyid Qutb, 1990, An-Naqd al-Adabi Usulih wa Manahijih, Darul al-Syuruk: Mesir.

⁶ Ibid, p10.

Maka, karya sastera pada pandangan Sayyid Qutb berdiri dengan adanya dua nilai asas iaitu nilai ungkapan dan nilai perasaan. Dan nilai ungkapan ini tidak dianggap sebagai karya seni dengan sekadar ekspresi yang bersifat ilmi, walaupun dilengkapi dengan gaya bahasa yang betul yang berpadanan dengan syarat-syarat ungkapan bahasa, tetapi ungkapan yang berseni adalah ungkapan yang terhasil daripada gelajak perasaan yang ada dalam jiwa sasterawan yang mampu untuk memberi kesan kepada jiwa-jiwa yang lain.

Sastera Islam Pada Pandangan Sayyid Qutb

"وهو التعبير الناشئ عن امتلاء النفس بالمشاعر الإسلامية"

Sayyid Qutb mentakrifkan sastera Islam sebagai ‘ungkapan yang lahir daripada jiwa yang bergolak yang penuh dengan perasaan keislaman.

Perasaan yang penuh ini menghalang kita untuk memecahkan tabiat Islam dan kesannya kepada jiwa manusia atau realiti kehidupan kepada bahagian, kerana Islam memandang kehidupan dengan pandangan dan gambaran yang menyuluruh dan sempurna. Islam merupakan harakah ibda’iyah (gerakan yang kreatif) yang membawa kesedaran kepada realiti hidup demi untuk meninggikan nilai kehidupan ini.⁷

Kelebihan kesusasteraan Islam Sayyid Qutb adalah terhasil dari pergantungannya terhadap idea yang terancang dan falsafah yang teliti, dan dengan ini sasteranya dianggap sebagai kesusasteraan idea dan kesusasteraan nilai-nilai yang berpunca dari idea Islam, kesusasteraan yang bebas yang terkesan dengan idea Islam yang umum, dan merupakan kesusasteraan jemaah Islam yang mempunyai persamaan persepsi mereka dari segi sumber, tujuan dan cara pelaksanaanya.

Dasar yang diasaskan Sayyid Qutb terhadap sastera Islam bukanlah baharu pada semua aspeknya, ini kerana hubungan antara sastera dan akidah adalah isu otentik dari asal-usul kesusasteraan pada zaman kuno dan moden. "Pegangan dan akidah penulis mempunyai pengaruh yang jelas terhadap hasil sasteranya, kerana ia merupakan bahagian penting dari kerangka umum pengalaman perasannya. Sastera adalah bersifat pegangan yang sentiasa terkait dengan hasil seni. Dan sastera seluruh dunia, sentiasa dikaitkan dengan kepercayaan agama, bahkan di zaman moden, ketikamana agamawan tidak mengmobil berat mengenai sastera, maka manusia akan mencari pegangan yang lain. Jadi hasil-hasil sastera sentiasa terkait dengan pegangan atau akidah walau ketika mana sekalipun."⁸

Kesusasteraan Islam mengikut Sayyid Qutb Islam adalah berkait rapat dengan Islam, berlandaskan nilai-nilai dan pertimbangan Islam. Tugas sastera Islam ini adalah daripada tugas Islam itu sendiri. Kerana "Islam datang untuk mengubah persepsi kepercayaan dan dengan itu mengubah realiti hidup dan membina akidah dan ummah. Manhaj ini merupakan pendekatan yang tulus, kerana agama Islam bukan sekadar teori yang berurusan dengan hipotesis, tetapi adalah satu kaedah yang sentiasa berhadapan dengan realiti kehidupan."⁹ (Qutb 1965, 54)

⁷ Ibid

⁸ Izzuddin Ismail, 1976, As-Syi'r Fi Ithor al-'Asr as-Sauri, Darul al-Audah: Beirut, p19.

⁹ Sayyid Qutb, 1965, Maalim Fi al-Thariq, Maktabah Wahbah: Mesir, p54.

Adapun hubungan antara imej Islam dan sastera, Sayyid Qutb mengungkapkan bahawa "kesusasteraan adalah tafsiran emosi terhadap kehidupan, yang dipancarkan dari sumber yang meliputi semua agama, falsafah, pengalaman, dan kesan dalam suasana persekitaran, yang merupakan salah satu yang paling berpengaruh dalam pembentukan idea hidup yang bersentimental, dan sifat manusia dengan cara yang istimewa.¹⁰

Ini bermakna bahawa penulis disisi Sayyid Qutb adalah tertumpu kepada dasar ideologi, ia boleh menjadi ideologi atau falsafah, yang menerangkan perkara perkara di sekelilingnya, dan meninggalkan impak dan kesan. Maka, berdasarkan pandangan ini, Sayyid Qutb menyeru supaya perlu ada sastera yang diterjemahkan daripada semangat masyarakat Islam yang tersendiri. Dr. Najeeb Al-Kilani mengaitkan bahawa kemunculan manhaj ini adalah daripada Sayyid Qutb melalui gabungan beliau dengan pergerakan Islam diwakili oleh Ikhwanul Muslimin, dimana mereka berjaya mengumpul sebilangan besar penulis dan sasterawan Islam.¹¹ (al-Kilani 1949, 217) Menurut kajian moden terhadap kesusasteraan Islam, sastera Islam yang berturutan dengan teori ini melalui "kemodenan dan pembaharuan, yang pertama yang menyeru kepadanya adalah Sayyid Qutb." Sayyid Qutb memandang kesusasteraan Islam pada permulaanya melalui kesan adab yang terhasil dari nilai-nilai, maka ini akan membawa kepada hasil wujudnya kesusasteraan Islam, dan kesusasteraan bertemu dengan pandangan dan persepsi Islam atau seakannya. Beliau memandang Islam adalah sebagai satu idea atau fikrah, yang bukan hak milik manusia. Dan tidak ada sesiapapun di kalangan manusia yang boleh menakluknya atau menafikannya, kerana Islam adalah agama milik seluruh manusia. Sesiapa yang menulis kesusasteraan di bawah idea ini dianggap seorang penulis Islam, walaupun dia bukan seorang Muslim, dengan asas bahawa idea ini memerlukan nilai-nilai tertentu yang mentadbir skala yang menjadikan kesusasteraan ini Islam atau tidak. Sayyid Qutb tidak menghadkan kesusasteraan Islam dalam bentuk akhirnya, tetapi hanya memandang sastera melalui hasilnya sahaja, tanpa menilai pemilik sastera tersebut.

Adapun bahasa kesusasteraan ini, Sayyid Qutb menerangkan bahawa kesusasteraan Islam menerima semua bahasa dari seluruh dunia selagimana sastera itu terhasil daripada nilai-nilai Islam dan ketetapannya. Ini berdasarkan daripada kata-katanya bahawa "ummah Islam bukanlah berdasarkan daripada tanah munculnya Islam, dan bukanlah kaum, dan kabilah yang dahulunya hidup dengan dasar-dasar Islam, tetapi ummat Islam adalah jemaah manusia yang lahir daripada gambaran, kehidupan, keadaan, system-sistem, nilai-nilai, dan pertimbangan yang benar daripada manhaj dan metod Islam yang benar.¹² Maka ummat Islam adalah ummat yang menjadikan dasar akidah sebagai dasar utama bukan atas asas bahasa, kerana akidah mempunyai pengaruh dalam menyatakan segala gambaran-gambaran Islam secara umum.

Ciri-Ciri Sastera Islam Disisi Sayyid Qutb

Kejujuran (as-Sidq) dalam menggambarkan potensi yang tersembunyi atau jelas pada manusia adalah salah satu daripada tugas sastera Islam. Dan juga, kejujuran dalam menggambarkan matlamat kehidupan pada hidup manusia. Seni yang berasal dari persepsi Islam adalah sastera atau seni yang berorientasi, kerana Islam adalah perkembangan kehidupan yang berterusan.

¹⁰ Sayyid Qutb, 1949, Al-Adalah al-Ijtimaiyyah Fi al-Islam, Darul al-Kitab al-Arabi: Mesir, 249.

¹¹ Najib al-Kilani, 1949, Rihlati Maa al-Adab al-Islami, Darul al-Kitab al-Arabi: Mesir, p217.

¹² Sayyid Qutb, 1965, *passim*, p194

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Tugas utamanya ialah mengubah dan memperbaiki realiti ini, dan sentiasa memberi inspirasi kepada pergerakan kreatif yang berusaha mewujudkan imej kehidupan yang pelbagai.¹³

Beliau percaya bahawa pertikaian antara kelas adalah asas perkembangan dalam seni, tetapi ini bukanlah kepentingan di dalam Islam, kerana pandangan Islam tentang matlamat manusia adalah lebih luas dan lebih berprestij, dan ia tidak menerima ketidakadilan sosial dan tidak mengenali atau menggalakkan manusia untuk menerimanya. Asas pergerakan dan pembangunan dalam pemikiran Islam adalah berasaskan pembangunan manusia seluruhnya, yang mendorongnya untuk bangkit dan maju, dalam mencipta dan berkreativiti.

Seni dan sastera berkongsi tugasnya dalam proses pembersihan dan perubahan,¹⁴ kerana Islam melakar gambaran kehidupan dalam jiwa manusia, dan menyesuaikan diri dengan imej yang dilakarkannya, maka gambaran itu membantu dalam menghasilkan harakah yang kreatif dan merealisasikannya dalam memajukan kehidupan keseluruhan.

Sayyid Qutb mengakui bahawa sastera atau seni Islam adalah sastera atau seni yang terarah. Sastera ini adalah seni berpandu dan terarah, berpandukan pada sifat persepsi atau pandangan Islam tentang kehidupan dan hubungan manusia, dan berpandukan idea Islam itu sendiri, yang merupakan satu harakah atau gerakan penciptaan yang membina kreativiti, untuk meninggikan nilai-nilai Islam ini.¹⁵

Islam tidak memerangi seni, tetapi Islam menolak sebahagian daripada persepsi dan nilai-nilai yang terdapat di dalam seni itu. Maka Islam menyesuaikan nilai-nilai ini dengan nilai-nilai lain yang mampu dalam meyampaikan gambaran kreativiti yang menarik, yang berasal dari konsep Islam, dan sifat-sifat yang tersendiri.

Ciri-Ciri Tasawwur Islam Pada Pandangan Sayyid Qutb

Sayyid Qutb melihat bahawa pandangan dan persepsi (Tasawwur) Islam mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri yang mempunyai keunikan berbanding pandangan dan persepsi yang lain. Ciri-ciri pandangan Islam adalah pelbagai, tetapi semuanya tergabung di bawah konsep ketuhanan. Sayyid Qutb telah membahagikan Tasawwur Islam dengan tujuh ciri. Ia adalah tasawwur Islam yang berbeza daripada tasawwur yang dicipta oleh manusia, yang sentiasa berubah dan berkembang. Konsep Islam tidak terhad kepada masa dan ruang, tiada sebarang halangan kepadanya dari kejihilan dan kekurangan, tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu dan emosi, yang "dicipta untuk manusia seluruhnya, sesuai pada setiap masa dan peringkat, mempunyai asas yang tetap dan berkembang dalam sempadannya dan sentiasa bergerak ke depan, berkembang dan maju."¹⁶ (Qutb 1988, 42) Tasawwur yang sempurna, yang tidak memerlukan sebarang pembaikan, kerana ia adalah ciptaan Allah, maka tidak selaras dengan apa yang dicipta oleh manusia. Ia adalah perspektif yang komprehensif dan seimbang untuk setiap aspek manusia. Ciri-ciri persepsi Islam adalah seperti berikut:

¹³ Sayyid Qutb, 2001, *passim*, p19

¹⁴ Ibid, p21

¹⁵ Ibid, p29

¹⁶ Sayyid Qutb, 1988, Khosois Tasawwur Islami wa Muqawwamatih, Darul al-Syuruk: Mesir, p42

Pertama: Rabbaniyyah (Ketuhanan)

Rabbaniyyah merupakan kepercayaan yang diilhami oleh Allah SWT dan sumber tasawwur ini hanya terbatas daripada Allah sahaja dan bukan datang dari yang selainnya. Berbeza dengan semua persepsi falsafah yang dicipta oleh pemikiran manusia tentang hakikat ketuhanan atau hakikat penciptaan alam, atau hakikat manusia, dan ikatan yang lahir daripada hakikat-hakikat ini, yang mempunyai perbezaan jauh dengan kepercayaan terhadap berhala, yang timbul semata-mata daripada perasaan, imaginasi dan persepsi manusia sahaja.¹⁷ (Qutb 1988, 42)

Kelebihan tasawwur Islam ini, adalah kepercayaan terhadap aqidah, kerana pandangan adalah pandangan Rabbani, yang dicipta oleh Allah kepada manusia, bukan buatan manusia. Sumber persepsi ini adalah Al-Quran. Dan pemikiran manusia diwakili pada mulanya melalui pemikiran Rasulullah SAW atau pemikiran para rasul-rasul yang sama sekali tidak terlibat dalam penciptaan tasawwur ini. Semasa mereka diutuskan dengan tasawwur ini, mereka menerima secara spontan, mereka dibimbing dengan dan membimbangi manusia dengannya.

Pemikiran manusia tidak mampu untuk mencipta persepsi ini, tetapi tugasnya adalah menerima, dan mengadaptasi serta mengaplikasikannya dalam kehidupan nyata, berdasarkan metodologi yang betul. Kerana fungsi manusia adalah terbatas kepada memenuhi peranannya sebagai khalifah Allah yang diciptakan untuk tujuan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah swt.

Kedua: Al-Thabat (Ketetapan)

Daripada ciri Rabbaniyyah, lahir ciri yang lain iaitu al-Thabat yang bermaksud tetap dan stabil, yang merupakan harakah (pergerakan) yang kerangka yang tetap dan tidak berubah. Mereka tidak berubah dan tidak berkembang apabila fenomena kehidupan sebenar berubah. (Sayyid Qutb, 1988: 75). Perubahan dalam keadaan kehidupan dan pembangunan akan tetap ditadbir oleh nilai-nilai didalam tasawwur Islam.

Perubahan dalam lingkungan tasawwur ini tidak dianggap sebagai *tajmid* "membekukan" pemikiran dan kehidupan, tetapi ia masih dibenarkan bergerak dan berubah, namun dalam kerangka yang telah ditetapkan Islam. Sebagai contoh, kaedah kehidupan, meskipun sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dan tempat, tetapi ciri-cirinya adalah tetap berlandaskan batas syariat yang telah ditetapkan oleh Islam.

Ketiga: As-Syumuliyyah (Kesempurnaan)

Tasawwur ini juga kahir dari sifat Rabbani, yang dicipta oleh Tuhan dan bukan ciptaan manusia. Manusia dihukum dan dinilai dengan kelemahan, kecenderungan, kemasyhuran dan keinginannya, dibatasi oleh had masa dan tempat. Dan manusia apabila berfikir untuk mencipta tasawwur pengangannya yang tersendiri, atau mewujudkan pendekatan kehidupan sendiri, pemikirannya ditadbir oleh ciri-ciri yang mengawal kehidupannya, hanya mampu mencipta sebahagian daripadanya, dan mempunyai kekurangan dalam aspek-aspek yang lain. Maka, pandangan yang dicipta oleh manusia bersifat lemah dan tidak menyuluruh. Oleh itu, tidak ada pandangan dan manhaj yang datang dari manusia yang bersifat syumul, melainkan pandangan itu dicipta oleh Allah.

¹⁷ Ibid

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Keempat: At-Tawazun (Seimbang)

Sifat seimbang adalah berkait rapat dengan dengan sifat As-Syumul. Keseimbangan dalam tasawwur Islam terletak pada beberapa ciri antaranya: keseimbangan pada penciptaan alam ini dengan penelitian dan penerimaan manusia terhadapnya. Penerimaan ini berlaku dengan penelitian dan penyataan hujah dan bukti, serta sebab dan hikmah di sebalik setiap ciptaan di alam ini. Serta mengadaptasikan dan menggunakan ciptaan alam ini di dalam kehidupan manusia (Sayyid Qutb, 1988: 119).¹⁸ Sebagai contoh, fitrah manusia terhadap setiap aspek kewujudan daripada haiwan, tumbuhan, geografi bumi adalah bersifat terhad, kerana manusia tidak mampu untuk mengecapi rahsia-rahsia daripada setiap ciptaan Allah di bumi ini. Maka, Allah menjadikan pada fitrah manusia untuk senang dengan perkara yang tidak diketahui dan perkara yang diketahuinya. Maka fitrah manusia adalah bersifat seimbang.

Begitu juga, keseimbangan berlaku pada pegangan akidah manusia. Ini kerana, manusia menerima perkara-perkara ghaib yang tidak diketahuinya, namun tetap mempercayainya dan menerimanya kerana ia adalah sebahagian daripada akidah. Penerimaan ini lahir daripada kefahaman manusia berdasarkan hujah yang dalil yang dinyatakan. Sebagai contoh, keimanan manusia terhadap malaikat yang merupakan perkara ghaib adalah disebabkan hujah dan dalil al-Quran, dan hadis-hadis nabi yang jelas dalam menghuraikan perkara ghaib ini. Keseimbangan daripada dua bahagian ini adalah penting dalam fitrah manusia.

Kelima: Al-Ijabiyah (Positif)

Merupakan ciri yang penting dalam Tasawwur Islam. Positif ini wujud dalam hubungan Allah swt dengan alam, kehidupan dan manusia. Dan positif juga wujud dalam diri manusia. Sifat ketuhanan dalam tasawwur Islam bukanlah bersifat negatif, dan kesempurnaan tuhan bukan dalam gambaran yang negatif sepertimana yang dijelaskan oleh Aristotle. Dan bukan terhad dalam aspek-aspek tertentu penciptaan dan pentadbiran seperti yang digambarkan orang Parsi padasifat Hormuz tuhan cahaya dan kebaikan...¹⁹(Qutb 1988, 151)

Manusia pada Tasawwur Islam berhubungan dengan satu tuhan yang wujud dan bersifat positif. Al-Quran juga turut menguatkan hakikat ini dengan dalil-dalil yang menerangkan gambaran-gambarannya. Maka hubungan manusia dengan Allah adalah hubungan yang positif, dan hubungan inilah penentu diantara kekuatan akidah yang benar dan akidah yang salah.

Dan gambaran yang lain dalam sifat positif pada tasawwur Islam adalah sifat positif manusia terhadap alam semesta. Kerana tasawwur Islam bukanlah satu undang-undang yang menetapkan manusia untuk menerima segala yang ada pada alam ini, tetapi tasawwur Islam membenarkan manusia untuk mengubah dan mencipta realiti ini seperti mana yang dikehendakinya dalam lingkaran yang positif sepertimana yang telah ditetapkan oleh Islam.

Keenam: Al-Waqi'iyyah (Realistik)

Realisme adalah tasawwur Islam yang berhubungan dengan hakikat yang objektif, yang wujud secara hakiki dan yakin. Bukan dengan gambaran akal semata-mata, dan bukan dengan angan-angan yang tidak ada pada realiti (Qutb 1988, 169).²⁰ Dan ubah suai yang dibenarkan dalam kehidupan manusia juga termasuk dalam sifat realisme ini.

¹⁸ Ibid, p119.

¹⁹ Ibid, p151.

²⁰ Ibid, p169.

Realisme ini berhubungan sifatnya dengan Allah swt. Dan sifat ketuhannanya. Tetapi semuanya adalah bertepatan dengan alam realiti, mempunyai kesan padanya, dan kita mampu untuk mengecapi kesan tersebut. Maka manusia tidak mampu untuk meniru dan mencipta realiti ketuhanan ini dengan keinginannya sendiri.²¹ (Qutb 1988, 181)

Segala penciptaan Allah di dunia ini juga berhubungan dengan realisme, iaitu segala yang wujud secara realiti dan jelas di mata manusia. Realisme tidak berhubungan dengan alam yang hanya pada idea, atau kemahuan, atau gambaran serta khayalan akal semata-mata. Begitu juga realisme turut berhubungan dengan manusia yang bersifat wujud. Dan tidak berhubungan dengan kemanusiaan semata-mata.

Realisme juga berkaitan dengan konsep Islam tentang manhaj dan metod yang berkaitan dengan apa yang ditawarkan kepada kehidupan manusia. Dan realiti manhaj ini, dengan sifat manusia dan sifat keadaan yang mengelilingi hidupnya di alam ini. Hanya manusia yang mempunyai keupayaan untuk meninggikan manhaj ini dalam tasawwur Islam ke peringkat tertinggi.

Ketujuh: At-Tauhid (Keesaan)

Tauhid adalah tunggak utama dan tasawwur Islam, kerana padanya terletak hakikat yang asas pada akidah Islam. Jestrui itu, hanya tasawwur Islam sahaja satu-satunya yang mempunyai citi at-Tauhid ini berbanding persepsi-persepsi akidah yang lain dan falsafah yang ada di dunia ini.²²

At-tauhid adalah ciri yang ada pada setiap agama yang diutuskan keatas rasul-rasul dan mereka meyeru manusia dan kaumnya untuk mengakui bahawa Allah adalah tuhan yang satu, dan patuh kepada suruhan Allah adalah satu-satunya manhaj kehidupan ini. Dan pertimbangan lain yang membuatkan kita menerima hakikat ini adalah kerana at-Tauhid adalah hakikat akidah pengangan Islam. dan tauhid membuka lapangan yang luas yang meliputi semua aspek kehidupan terutamanya aspek perasaan, akhlak, dan sistem kehidupan yang benar.

Maka tuntutan at-Tauhid yang utama adalah meng-esakan Allah sebagai tuhan yang satu yang mentadbir alam ini. Dan makhluk serta muslim mestilah menjadikan Allah sahaja sebagai arah tujuan dengan perasaan yang penuh sebagai hamba, yang hanya mengharap kepadaNya dengan keimanan dan ketaqwaan. Begitu juga menjadikan Allah sebagai panduan dalam syariat dan system kehidupan. Al-Quran mengikat hubungan diantara akidah tauhid dan keperluannya dalam hati manusia. Dan menetapkan ketuhanan Allah dengan ketetapan manusia dari segi perasaan dan pegangannya dan syariat agama ini dari segi ibadah dan pelaksanaanya.

Aplikasi Ciri-Ciri Tasawwur Islam Dalam Sastera Islam

Rabbaniyyah dalam konteks sastera Islam menggambarkan fungsi-fungsi manusia yang terhad sebagai khalifah Allah dan hambanya dia atas muka bumi ini. Tiadak ada tempat untuk unsur ketuhanan yang lain kerana hanya Allah tuhan yang satu yang mentadbir alam ini. Maka tugas sasterawan adalah menyatakan hakika ini di dalam amal sastera mereka supaya hakikat ini jelas pada pembaca-pembaca yang lain.

²¹ Ibid, p181.

²² Ibid, p188.

Konsep yang kedua ialah ketetapan atau as-thabat. Iaitu harakah (pergerakan) pada kerangka yang tetap dan tidak berubah. Sasterawan memiliki kebebasannya untuk bergerak dan berhubungan dengan bidang-bidang yang pelbagai dalam menghasilkan sasteranya, dan mereka tidak terbatas untuk mengungkapkan apa yang mereka kehendaki, selagi mana apa yang mereka ungkapkan tidak melangkaui batas syariat dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam yang telah ditetapkan.


Adapun as-Syumul atau kesempurnaan adab Islami bersifat dengan kesempurnaan dalam mengungkapkan tentang kehidupan, alam, dan juga hal manusia. Islam tidak memisahkan diantara urusan hidup dan ibadah serta syariat. Segala kegiatan manusia termasuk sastera dan seni adalah termasuk ibadat dengan syarat tidak menyalahi nilai-nilai Islam. ini bermakna tidak ada yang dinamakan sastera dan seni Islam dan kemudian sastera dan seni yang tidak ada kena mengena dengan Islam. sebagai seorang muslim dan sasterawan, kita dikehendaki menerapkan nilai-nilai Islam dalam segala aspek kehidupan, kerana tidak ada diskriminasi didalam ajaran Islam.

Sastera Islam juga mengamalkan ciri keseimbangan dalam sasteranya. Tidak boleh berlebih-lebih dalam sesuatu aspek dan mengabaikan aspek yang lain. Keseimbangan berlaku di antara lafaz dan bentuk ungkapan dan isi kandungan atau maseg yang ingin disampaikan penulis. Sastera Islam berbeza dengan aliran yang digunakan oleh barat iaitu aliran “seni untuk seni” yang mengabaikan sudut manfaat dan tujuan sebenar seni. Dan aliran ini hanya memberi tumpuan terhadap seni semata-mata sehingga membawa kepada penyelewengan dan pertentangan dengan ajaran agama. Jadi, seni tidak hanya terhad kepada aspek keindahan semata-mata, namun tugasnya lebih dari itu, kerana tugas sastera adalah menyesuaikan dan mengimbangi seni dengan cara yang ditetapkan oleh Islam.

Dalam konteks al-Ijabiyah, sastera Islam perlu bersifat positif dalam gambarannya. Penulis mestilah melebihkan ciri kebaikan berbanding kelemahan dan keburukan dalam sasteranya. Sepertimana yang diungkapkan Sayyid Qutb “seni dan sastera yang lahir daripada tasawwur Islam terhadap kehidupan tidak mengutamakan dalam mengungkap tempoh-tempoh kelemahan dan kemunduran dalam kehidupan manusia, dan Islam tidak mengingkarinya, tetapi menerima dengan hujah yang menyatakan bahawa kemunduran ini adalah realiti, dan kita tidak perlu untuk menidakkannya dan menyembunyukannya. Dan inilah yang dinamakan positif dalam sastera Islam.

Realisme dalam Islam adalah satu perkara yang wajib, kerana Islam adalah agama yang realistik. Begitu juga manusia, kehidupan dan alam ini semuanya adalah berasaskan perkara yang realiti. Maka manusia tidak dituntut untuk melaksanakan sesuatu di luar kemampuannya. Setiap apa yang berlaku pada alam dan kehidupan ini lahir daripada realiti dan mempunyai sebab dan bukti padanya. Maka sasterawan tidak dibebankan untuk mengungkapkan perkara yang tidak mampu dikecapinya walaupun mereka dikurniakan kemampuan dalam berimaginasi.

Dan yang paling akhir, adalah sastera Islam satu-satunya sastera yang berteraskan konsep Tauhid. Dan ia satu-satunya yang menyeru manusia dalam mendukung hakkat keesaan Allahm tidak ada percanggahan dan sekutu baginya. Dan Tauhid adalah hakikat yang unggul dalam sastera Islam.

Gambar Rajah Konsep Sastera Islam Mengikut Sayyid Qutb:**Konsep Sastera Disisi Sayyid Qutb:****Konsep Sasatera Islam Disisi Sayyid Qutb Dan Ciri-Cirinya:****Kesimpulan Dan Penutup**

Sastera atau seni yang lahir dari tasawwur Islam tidak mengabaikan tanggungjawabnya dalam proses pengubahan dan pembersihan dalam sastera. Islam prihatin dan memberi keutamaan pada seni dan komponennya serta konsistensinya dengan tasawwur Islam yang benar. Bukti

pada itu terletak pada Al-Quran yang meraikan makna, dan bayan serta keindahan yang kreatif dalam ayat-ayat sucinya, yang merupakan kalam Allah swt yang tidak ada sesiapapun dapat mendatangkan sepertinya walau sepotong ayat. Sastera Islam menumpukan pada masej dan isi kandungan yang ingin disampaikan, kerana sastera yang diterima disisi Islam adalah sastera yang menyusuri ketetapan agama ini, dan sesuai dengan ajaran agama Islam. Oleh itu, idea-idea dalam sastera Islam meliputi semua tajuk dan bidang yang ada, dan menyeluruh dalam aspek kehidupan dan alam semesta.

Begitu juga, amanah dalam pengungkapan dan gambaran adalah ciri yang terpenting dalam sastera Islam. Ungkapan yang dilontarkan penulis mestilah sesuai dengan konteks realiti kehidupan, kemanusiaan dan alam. Sastera Islam tidak membazirkan waktunya dalam mengungkapkan sesuatu yang sia-sia yang tidak ada faedah baginya. Kerana manhaj sastera ini bukanlah manhaj yang kaku, tetapi ia bersifat kreatif dan inovatif. Sastera Islam adalah sastera yang lahir daripada naluri sasterawan yang hidup dan hati yang benar. Maka segala gambaran yang dibawanya adalah benar, dan khayalannya tidak berdasarkan dongeng dan perkara yang buruk. Oleh itu, sastera Islam adalah sastera yang jelas, tiada keraguan padanya, dicipta dengan penuh keyakinan daripada zat yang merasai dengan mendalam nikmat Islam, berpandukan metod dan manhaj Islam yang benar.

Maka, sastera Islam disisi Sayyid Qutb adalah ungkapan yang lahir daripada keindahan yang memberi kesan, yang terhasil daripada hati yang beriman dengan Allah semata-mata. Sastera Islam ini menterjemahkan kehidupan, kemanusiaan, dan alam dalam gambaran tasawwur Islam yang benar, berasaskan akidah dan pegangan Islam yang satu. Ia membangkitkan keseronokan dan bermanfaat, dan baginya faedah yang besar pada jiwa penulis dan selainnya. Ia juga merupakan penggerak dalam memberikan inspirasi untuk mencetuskan idea-idea yang baik, inovatif dan perasaan yang bernilai, kerana sastera ini tidak teragak-agak dalam mengambil langkah terhadap sesuatu yang baru, dan tidak gentar dengan keputusannya. Sastera Islam sentiasa bersiap sedia dalam mengambil sesuatu langkah yang diperlukannya dalam kehidupan dan realiti ini.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim

- ‘Izzuddin Ismail, 1976, **As-Syi’r Fi Ithor al-‘Asr as-Sauri**, Darul al-Audah: Beirut.
Najib al-Kilani, 1949, **Rihlati Maa al-Adab al-Islami**, Darul al-Kitab al-Arabi: Mesir.
Sayyid Qutb, 2001, **Fi al-Tarikh Fikrah wa Minhaj**, Darul al-Syuruk: Mesir.
Sayyid Qutb, 1990, **An-Naqd al-Adabi Usulih wa Manahijh**, Darul al-Syuruk: Mesir.
Sayyid Qutb, 1965, **Maalim Fi al-Thariq**, Maktabah Wahbah: Mesir.
Sayyid Qutb, 1988, **Khosois Tasawwur Islami wa Muqawwamatih**, Darul al-Syuruk:
Mesir
Sayyid Qutb, 1949, **Al-Adalah al-Ijtimaiyyah Fi al-Islam**, Darul al-Kitab al-Arabi: Mesir.